



# Buletin **SUK** **PERAK**

BIL.1/2022

Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Perak



**EUROPEAN UNION  
AMBASSADORS'  
VISIT TO  
PERAK DARUL RIDZUAN**

# SidangRedaksi

## PENAUNG

YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

## KETUA PENYUNTING

Anita Amri  
Zuriati Zainal

## PENYELARAS

Roslan Jamaluddin  
Dalila Mastor

## PEREKA GRAFIK

Azmi Asmayatim

## WARTAWAN

Firdaus Ehsan  
Qistina Izfarina

## FOTOGRAFI

Lopman Bahari  
Faez Zulkarnain

## PENOLONG PENYELARAS

Safuan Rozali  
Nik Muhammad Firdaus

## BAHAGIAN KORPORAT

PEJABAT SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI PERAK

## EUROPEAN UNION AMBASSADORS' VISIT TO PERAK DARUL RIDZUAN



Laman Rasmi Facebook  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Sila like page :-  
"Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak"  
Pelbagai informasi boleh diperolehi!!!



Sila like dan follow Instagram  
Pejabat SUK Perak :-

"sukperak"



**DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK TITAH**

# **SOLAT BERJEMAAH TANPA PENJARAKAN SOSIAL DI MASJID, SURAU NEGERI PERAK BERMULA 1 APRIL**

IPOH, 23 MAC 2022- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan membenarkan solat berjemaah dilaksanakan tanpa penjarakan fizikal di negeri Perak dengan bilangan jemaah ditentukan mengikut ruang masjid dan surau bermula 1 April ini.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, langkah berkenaan diambil selaras dengan permulaan Fasa Peralihan Endemik di seluruh negara bermula pada tarikh tersebut.

"Bermula solat subuh Jumaat (1 April ini), solat fardu, solat Jumaat, dan solat jenazah boleh dilaksanakan tanpa penjarakan fizikal antara jemaah, dan bilangan jemaah yang dibenarkan ialah mengikut keluasan ruang masjid atau surau.

"Walau bagaimanapun, demi melindungi keselamatan para pelajar, terutama yang berada di sekolah asrama penuh, pengetua sekolah dan pusat-pusat pengajian sama ada universiti, maktab dan kolej, diberikan budi bicara masih boleh mengadakan solat Jumaat dalam surau, bangunan atau kawasan institusi masing-masing," titah baginda.

Baginda bertitah demikian sempena Sesi Sembah Taklimat Aktiviti Masjid dan Surau di Negeri Perak Fasa Peralihan Endemik di Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YABhg. Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jen. Dato' Seri Diraja Tan Sri (Dr.) Mohd Zahidi Haji Zainuddin; YABhg. Yang Dipertua MAIPK, Dato' Seri Mohd Annuar Zaini serta barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, jawatankuasa dan pegawai masjid dibenarkan menggunakan budi bicara menentukan bilangan rakaat solat tarawih yang difikirkan munasabah di masjid dan surau masing-masing.

Jelas baginda, ia boleh dilakukan atas pertimbangan meminimumkan risiko jangkitan dalam tempoh peralihan ini walaupun Perak pada lazimnya menetapkan 20 rakaat solat tarawih sepanjang Ramadan.

"Bagi meminimumkan tempoh pendedahan jemaah kepada udara yang terperangkap dalam bangunan, tazkirah yang dibenarkan selepas solat witir sepanjang Ramadan tidak melebihi 30 minit," titah baginda.

Jelas DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah lagi, program qiamullail dan iktikaf pada waktu malam di masjid dan surau dibenarkan dengan mengambil langkah-langkah pencegahan jangkitan berpandukan nasihat Jabatan Kesihatan. Tadarus al-Quran, kuliah dan kelas pengajian juga dibenarkan di masjid dan surau.

Hidangan berbuka puasa (iftar), hidangan selepas tarawih (moreh) dan hidangan sahur di masjid dan surau, dibolehkan dengan penyediaan makanan bungkus dan tidak dibenarkan jamuan secara hidangan terbuka, terutama selepas tarawih.

"Pegawai Tadbir Agama Daerah setelah berunding dan mendapat persetujuan Orang Besar Jajahan atau Pegawai Daerah boleh mengeluarkan arahan menggantung mana-mana masjid dan surau daripada kelonggaran SOP yang diperkenankan itu dan mengenakan peraturan SOP untuk tempoh tertentu sekiranya angka jangkitan COVID-19 di kawasan berkaitan dianggap kritikal.

"Semua aktiviti, pengurusan dan kesan terhadap perkara-perkara yang diperkenankan pada hari ini, dipantau dan dipersembahkan kepadanya secara berkala," titah baginda.

Titah baginda, hasil rumusan daripada kelonggaran awal ini, akan menjadi penentu dan panduan kepada aktiviti yang akan diperkenankan untuk menyambut hari raya akan baginda umumkan pada waktu yang sesuai, setelah berpuas hati bahawa risiko jangkitan berjaya diminimumkan dan dapat dibendung secara berkesan.

"Beta memahami harapan rakyat, namun rakyat perlulah mengamalkan budaya berakrit-rakit dahulu, berenang-renang ke tepian. Bersyukurlah dengan apa yang telah dibenarkan ketika ini, yang jauh lebih baik daripada apa yang dilalui dalam dua Ramadan yang lalu.

"Rakyat sewajarnya bersyukur dengan pelangi harapan yang terlukis di kaki langit. Semoga pelangi harapan ini akan disusuli dengan pancaran sinar yang lebih terang menjelang Syawal nanti, agar Aidilfitri akan dapat disambut dalam suasana yang lebih meriah," titah baginda.

Dalam perkembangan sama, DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin maklum mengenai kadar peratusan rakyat negeri Perak yang menerima suntikan penggalak masih rendah, terutama dalam kalangan penduduk di luar bandar dan dalam kalangan umat Islam.

"Orang Besar Jajahan dan Pegawai Tadbir Agama Daerah berperanan aktif menyedarkan rakyat di luar bandar mengenai kepentingan ditingkatkan daya tahan tubuh atau imuniti untuk menangani wabak COVID-19.

"Di mana sesuai, aktiviti suntikan boleh dilakukan di perkarangan masjid dan surau," titah baginda.



IPOH, 2 MAC 2022 – Kerajaan Negeri Perak mengalu-alukan lawatan kerja daripada barisan Duta-Duta Kesatuan Eropah ke Malaysia (EU) ke negeri ini.

Lawatan ini melibatkan 10 duta negara Eropah iaitu Perancis, Belgium, Spain, Ireland, Finland, Jerman, Romania, Austria, Sweden dan Itali yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Michalis Rokas, Duta Kesatuan Eropah ke Malaysia.

Tujuan utama bagi lawatan ini adalah untuk mewujudkan jalinan perhubungan strategik khususnya dalam industri pelaburan, perdagangan, pengajian tinggi, kajian dan kerjasama saintifik antara kedua-dua belah pihak.

Menurut YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad, kehadiran delegasi duta EU diibaratkan sebagai membina jambatan persahabatan dengan negeri Perak yang dilihat sebagai negeri berpotensi tinggi.

Ketibaan delegasi dimulakan dengan sesi kunjung hormat bersama YAB Menteri Besar Perak dan barisan pimpinan Kerajaan Negeri Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Lawatan diteruskan dengan sesi pembentangan dan booth pameran jabatan/agensi di negeri Perak yang diadakan di Casuarina Convention Centre, Meru.

Sesi ini melibatkan jabatan, agensi dan pemain industri di negeri Perak sebagai platform jalinan hubungan dan pada masa yang sama mempromosikan keistimewaan negeri Perak kepada pihak EU sama ada dari sudut pelancongan, kebudayaan, pengilangan, pembuatan dan sebagainya.

Keesokan harinya, DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut berkenan menerima menghadap para delegasi di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.

Turut menghadiri sesi menghadap baginda adalah YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; Pengarah Perbadanan Taman Negeri Perak, Encik M Shah Redza Hussein; YBhg. Ketua Eksekutif PKNP, YBhg. Datuk Redza Rafiq Abdul Razak dan Dato' Seri Timor Shah Rafiq.



# Lawatan Kerja

## DUTA-DUTA KESATUAN EROPAH KE NEGERI PERAK





# HARI BERTEMU PELANGGAN Peluang Rakyat Luah Masalah Secara Bersemuka

IPOH, 8 FEBRUARI 2022 – Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak yang berlangsung di Stadium Indera Mulia hari ini membuka peluang rakyat untuk meluahkan masalah secara bersemuka kepada barisan kepimpinan kerajaan negeri.

Program yang dihadiri oleh YAB Menteri Besar Perak, Ex-Officio, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta semua ketua jabatan ini bertujuan untuk mendengar, meneliti dan berusaha menyelesaikan masalah yang dihadapi rakyat secara bersepadu.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad berkata program ini melibatkan 151 jabatan dan agensi kerajaan di negeri Perak yang merangkumi 110 kaunter khidmat pelanggan, 33 reruai atau 'booth' pameran serta 8 perkhidmatan kaunter bergerak. Tambahnya lagi, program ini telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan.

"Seramai 562 orang hadir, 176 daripadanya bertemu secara bersemuka dengan anggota kerajaan bagi menyatakan masalah dan aduan yang dihadapi manakala yang lain dapat diselesaikan di kaunter-kaunter yang telah disediakan di sini.


"Langkah ini sejajar dengan komitmen kerajaan negeri untuk merakyatkan sistem penyampaian awam supaya perkhidmatan yang diberi sentiasa melangkaui jangkauan dan harapan rakyat," jelasnya.

Antara masalah dan aduan yang diterima adalah mengenai isu berkaitan urusan tanah, kewarganegaraan, anak angkat dan pelbagai permohonan.

Tambahnya, terdapat juga beberapa masalah yang berjaya diselesaikan terus terutama melibatkan implikasi kewangan kecil yang penting seperti masalah banjir, longkang, pembinaan surau dan sebagainya.

Beliau berharap program ini akan terus dilaksanakan iaitu pada hari Selasa minggu kedua setiap bulan di lokasi yang sama untuk memberi kesempatan dan peluang kepada lebih ramai rakyat perak hadir bersemuka sendiri dengan barisan kepimpinan kerajaan negeri.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim; YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pengurusan), Dato' Nor Sham binti Rahman dan Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Korporat, Puan Anita binti Amri selaku urusetia program ini.



# EXECUTIVE TALK DAN PERUTUSAN TAHUN BARU 2022

IPOH, 20 JANUARI 2022- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad menggariskan lima fokus utama sebagai agenda penting kerajaan negeri pada tahun 2022 sempena Majlis Executive Talk dan Amanat Tahun Baharu 2022.

Kesemua lima fokus ini merupakan kunci kepada agenda penting Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.

## Lima fokus tersebut adalah seperti berikut:-

### 1. Meningkatkan Hasil Negeri

Bagi memantapkan usaha menjadikan Perak sebagai negeri mesra pelabur, beliau berhasrat untuk mengadakan Hari Bersama Pelabur sekali setiap bulan.

Beliau yakin dengan strategi yang betul, kutipan hasil melalui komitmen dan kerja keras dapat ditingkatkan. Antara langkah-langkah yang boleh diambil adalah seperti berikut:-

- **Menyediakan pelan menyeluruh** bagi memastikan sasaran kutipan RM81 juta melalui tujuh (7) kategori hasil-hasil baru yang diumumkan dalam Belanjawan 2022 dapat direalisasikan.
- **Memudahkan proses kutipan cukai** termasuk memperkenalkan lebih banyak kaedah pembayaran secara digital.
- **Memperkasakan penguatkuasaan secara lebih objektif** bagi mengelakkan ketirisan hasil termasuk isu-isu pemutihan terhadap pencerobohan tanah-tanah kerajaan secara haram.
- **Memperkukuhkan gerak kerja dan memantapkan tindakan** berteraskan libat urus, strategi yang cekap dan mengenal pasti potensi sumber yang boleh menjana hasil negeri.



## 2. Membudaya Perkhidmatan Melangkaui Kebiasaan

Pentadbiran negeri bersetuju untuk mengadakan Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak pada hari Selasa minggu kedua setiap bulan mulai Februari ini.

## 4. Memantapkan Perkhidmatan dan Infrastruktur Digital

Antara tumpuan utama Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2022 adalah pelaksanaan saluran Pembayaran Tanpa Tunai kepada rakyat selaras dengan inisiatif Kerajaan Malaysia melalui Rangka Tindakan Ekonomi Digital (MyDIGITAL).

Sasaran utama kita ialah untuk mencapai 100% jabatan serta agensi kerajaan negeri mempunyai saluran pembayaran tanpa tunai menjelang 2023.

## 5. Menangani Kesan Perubahan Iklim

Terdapat tiga perkara yang perlu diambil kira dalam mempersiapkan negeri bagi menghadapi kemungkinan bencana lebih ekstrem pada masa hadapan.

- **Mempersiapkan langkah-langkah mitigasi** secara sistem amaran awal dan mobilisasi aset pengurusan bencana. Kita mungkin mempunyai sistem amaran dan aset yang mencukupi, tetapi ia perlu disusuli dengan pelan mitigasi yang tersusun.
- **Menangani isu struktur dan birokrasi** yang selama ini menghalang kita daripada mencapai potensi memberi perkhidmatan yang lebih baik dalam mengurus krisis.
- **Memperkuatkan sinergi dan koordinasi dalam mengurus krisis dan bencana.** Dalam suasana krisis dan bencana, lapisan-lapisan dalam membuat keputusan mestilah diminimumkan seboleh mungkin kerana pada waktu-waktu genting, nyawa rakyat lebih penting daripada segalanya.

Malah, agenda 'Perak Bumi Lestari' yang menjadi tunjang dalam merangka pembangunan negeri perlu terus diperkukuhkan. Antara langkah yang boleh diambil bagi mencapai matlamat tersebut adalah seperti berikut:-

- **Memulihara hutan dan ekosistem daratan serta mempercepatkan restorasi hutan.** Program Penghijauan Malaysia dan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok perlu dijayakan dengan penglibatan menyeluruh anggota masyarakat.
- **Memantapkan penguatkuasaan berkaitan perlindungan alam sekitar.** Operasi bersepadu melibatkan pelbagai agensi penguatkuasa perlu diperhebatkan bagi membanteras penerokaan hutan atau pembalakan secara haram selain pemantauan menggunakan aplikasi teknologi terkini seperti sistem Forest Monitoring Using Remote Sensing (FMRS).
- **Memperluaskan penggunaan teknologi hijau.** Kita perlu merintis jalan lebih luas bagi mewujudkan kerjasama pintar khususnya dengan pihak swasta untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif teknologi hijau bagi menangani kesan perubahan iklim.
- **Menambah baik sistem pengurusan sisa pepejal.** Banyak kajian saintifik menunjukkan kelemahan dalam sistem pengurusan sisa pepejal bukan sahaja mengancam alam sekitar kerana menyebabkan pencemaran sehingga menimbulkan rasa kurang senang rakyat, malah menjadi punca peningkatan suhu dan mitigasi perubahan iklim.

Kelima-lima teras utama tersebut disampaikan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad dalam ucapannya pada Majlis Executive Talk dan Perutusan Tahun Baru 2022 yang diadakan di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Turut hadir, YB Speaker Dewan Undangan Negeri, Dato' Hj Mohamed Zahir bin Abd. Khalid; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-undang Negeri Perak, Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Zulazlan bin Abu Hassan dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

## 3. Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak diharap dapat mengukuhkan lagi pelaksanaan Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Sosial di peringkat negeri dan daerah termasuk di hospital dan klinik-klinik kesihatan bagi membantu menstabilkan emosi individu yang terkesan.





## **RM16.35 JUTA** **NAIK TARAF JALAN TAMBUN,** **KERJASAMA KERAJAAN NEGERI** **DAN SWASTA**

IPOH, 10 JANUARI 2022- Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Sunway City Ipoh Sdn Bhd menjalankan usaha sama bagi projek menaik taraf Jalan Tambun yang melibatkan kos sebanyak RM16.35 juta.

Projek ini telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad di Dewan Badminton Xtreme Park, Bandar Sunway, hari ini.

"Peruntukan berjumlah RM8.0 juta telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Perak manakala RM8.35 juta ditanggung oleh pihak Sunway. Ia melibatkan kos pembinaan jalan, pengambilan balik tanah dan pelantikan jurutera perunding.

"Projek menaik taraf ini bermula dari simpang susur masuk Jalan Persekutuan 240 (Ampang-Jelapang) sehingga ke persimpangan lampu isyarat Taman Perpaduan, sejauh kira-kira 5.2 kilometer.

"Ia melibatkan penggantian lima persimpangan lampu isyarat sedia ada kepada laluan pusingan – U secara bebas di tiga lokasi yang bersesuaian.

"Projek ini juga melibatkan skop kerja pemasangan lampu jalan jenis LED, turapan semula permukaan jalan, pemasangan fasiliti keselamatan jalan raya dan menaik taraf sistem perparitan sedia ada bagi mengatasi masalah banjir kilat," jelas YAB Menteri Besar Perak.

Beliau turut berharap kolaborasi ini dapat mengurangkan pelepasan gas karbon daripada asap kenderaan apabila kesesakan lalu lintas dapat diatasi dan pergerakan kenderaan bergerak dengan lebih lancar.

Tambahnya, usaha ini juga dapat merancakkan lagi pertumbuhan pembangunan dan ekonomi setempat yang mampan dan lestari selari dengan hasrat MBI untuk merealisasikan agenda "Bandaraya Rendah Karbon 2030".

Projek naik taraf ini telah bermula pada 1 April 2021 dan dijangka siap pada September 2022.

Turut hadir YB Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam, Dato' Mohd Zolkafly bin Harun; YBhg. Datuk Bandar Ipoh, Dato' Rumaizi bin Baharin; YB Ahli Parlimen Tambun, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu merangkap Menteri Belia dan Sukan; YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kinta, Muhammad Arafat bin Varisai Mahamad dan Pengerusi Kumpulan Sunway, YBhg. Tan Sri Dr. Jeffry Cheah.



# JAWATANKUASA KHAS DITUBUHKAN

## TANGANI ISU RUMAH IBADAT YANG DIBINA DI DALAM KAWASAN GUA

IPOH, 12 JANUARI 2022- Kerajaan Negeri Perak akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menangani isu rumah ibadat yang dibina di dalam kawasan gua.

Ini berikutan pengeluaran notis terhadap 14 pengusaha rumah ibadat dalam kawasan gua di atas tanah kerajaan sekitar Mukim Sungai Raya dan Mukim Hulu Kinta.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah mengambil ketetapan supaya jawatankuasa khas tersebut ditubuhkan bagi tujuan menentukan status untuk 14 rumah ibadat itu yang terletak di atas tanah kerajaan melalui kaedah perizaban, Lesen Penduduk Sementara atau pajakan tanah.

"Selain itu, jawatankuasa tersebut akan memperincikan penetapan syarat-syarat yang perlu dipatuhi berdasarkan status kedudukan yang ditentukan.

"Mereka juga akan menentukan mekanisme kawalan terhadap sebarang struktur dan binaan yang perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media selepas mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Pejabat YAB Menteri Besar, Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini.

Hadir sama, YBrs. Pegawai Daerah Kinta, Encik Meor Hezbullah Meor Abdul Halim.

Ujar YAB Dato' Seri Saarani Mohamad lagi, pencerobohan dan kegiatan struktur yang tidak terkawal boleh mengundang ancaman keselamatan termasuk risiko runtuhan memandangkan gua batu kapur sensitif kepada perubahan cuaca.

"Ancaman ini bukan sahaja kepada pengusaha, tetapi juga kepada pengunjung memandangkan selain menjadi lokasi kegiatan keagamaan, kawasan terbabit juga menjadi tumpuan orang ramai untuk aktiviti rekreasi dan pelancongan.

"Kita mengambil kira laporan pemantauan cerun kritikal yang dijalankan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia selain fenomena perubahan iklim, kerajaan negeri perlu mengambil langkah-langkah kawalan dan pencegahan bagi mengelakkan insiden yang tidak diinginkan," ujarnya lagi.

Dalam perkembangan sama, pengeluaran notis kepada 14 pengusaha rumah ibadat tersebut adalah mengikut Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 yang dibuat atas beberapa faktor, antaranya untuk memaklumkan bahawa sebarang pendudukan, penempatan atau aktiviti tanpa kebenaran adalah suatu kesalahan di sisi undang-undang.



**KERAJAAN NEGERI**

# Giat Tangani Isu Stres

Kalangan Warga Pendidik

IPOH, 17 JANUARI 2022- Kerajaan negeri terus prihatin kepada warga pendidik sejak pandemik COVID-19 sehingga kini sebagai persediaan hadapi endemik.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia, Encik Ahmad Saidi bin Mohamad Daud berkata, guru masa kini berhadapan pertambahan bebanan kerja akibat perubahan sistem pembelajaran berikutan suasana pandemik di negara ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Sesi Dengar & Dialog Bersama Warga Pendidik di Dewan Kuliah Sri Bintang, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Ipoh, hari ini.

Menyedari masalah ini, kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Institut Darul Ridzuan (IDR) menyediakan program webinar, libat urus serta motivasi kaunseling untuk memberi semangat kepada para guru.

"Kita menjalankan program ini sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan kami lihat ia perlu diteruskan secara maya dan fizikal bagi menghadapi situasi endemik," kata beliau.

Beliau turut akui guru mohon untuk bersara awal kerana tekanan yang dihadapi.

"Terdapat guru mempunyai baki lagi 5 hingga 6 tahun untuk pensen tetapi mengambil jalan mudah ingin pensen lebih awal. Kerajaan negeri merasakan kerugian kerana cikgu berpengalaman ini terdiri daripada guru pakar," ujar beliau.

Turut hadir, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; YBhg. Datuk Bandar Ipoh, Dato' Rumaizi bin Baharin; Pegawai Daerah Kinta, Encik Meor Hezbollah bin Meor Abdul Malik dan YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Manjoi, Dato' Haji Asmuni bin Awi.





## PUSAT ARENA SUKAN AULONG JADI KEBANGGAAN WARGA AULONG

IPOH, 23 JANUARI 2022 - Kerajaan Negeri Perak giat menyediakan pusat kemudahan sukan untuk melahirkan belia yang aktif bersukan dan beriadah.

YAB Menteri Besar Perak berkata, beliau ingin rakyat belia di negeri ini memanfaatkan kemudahan bersukan yang telah disediakan. Malah, pemain hebat dan wakil negara juga lahir daripada kawasan-kawasan kampung kecil. Justeru itu, kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan sukan yang lebih baik untuk negara.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Arena Sukan Aulong yang berhampiran dengan Pasar Awam Aulong, Taiping, hari ini.

YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Aulong, Encik Nga Kor Ming berkata, transformasi arena sukan ini dapat dilaksanakan hasil kerjasama dengan kerajaan negeri demi kesejahteraan penduduk di kawasan ini.

"Pada hari ini, YAB Menteri Besar Perak turut merasmikan taman rekreasi awam dan medan letak kenderaan utama bagi Pasar Awam Aulong. Kami berterima kasih kepada kerajaan negeri.

"Pada tahun 2004, pusat ini telah dibina tetapi kemudiannya, ia bertukar menjadi usang, semak-samun serta pernah disalah guna oleh penagih-penagih dadah.

"Kini, menjadi tanggungjawab kami, Pusat Khidmat Aulong dan Ahli Parlimen Taiping untuk menyelia dan menjaga kawasan ini bagi kegunaan jangka masa panjang serta kebanggaan bagi warga Aulong," jelas beliau.

YAB Menteri Besar Perak turut berkesempatan menanam Pokok Bucida semasa merasmikan taman rekreasi awam berkenaan.

Hadir sama, YB Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak, Dato' Mohammad Zahir Bin Dato' Abdul Khalid; YBrs. Pegawai Daerah Larut Matang dan Selama, Encik Mohamed Akmal bin Dahalan dan YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jalong, Encik Loh Sze Yee.



PANGKOR, 25 JANUARI 2022 – Pulau Pangkor menjadi destinasi pertama untuk syarikat penerbangan komersial terbaharu Malaysia, *SKS Airways*. Status bebas cukai yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2020 menjadikan ia bonus tambahan sebagai pelancongan domestik di negara ini.

Penerbangan sulung *SKS Airways* KI 6357 yang berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang disambut oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad.

"Penerbangan dari Subang ke Pulau Pangkor ini akan bermula setiap hari secara rasmi pada 26 Januari 2022. Ia dijangka mengambil masa selama 45 minit dengan kapasiti 19 orang penumpang termasuk krew.

"Sejurus itu, ini dapat meningkatkan pengunjung ke Pulau Pangkor. Pada tahun 2021, jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Pangkor telah mencatatkan peningkatan bermula pada bulan Oktober lalu iaitu seramai 52,487 orang kepada 95,514 pada bulan November dan terus meningkat kepada 134,808 pada bulan Disember," jelasnya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Sambutan Penerbangan *SKS Airways* Subang-Pangkor di Lapangan Terbang Pulau Pangkor, di sini.

Selain Pulau Pangkor, *SKS Airways* menawarkan akses mudah ke pulau utama lain iaitu Subang ke Pulau Redang mulai 31 Januari serta dari Subang dan Johor Bahru ke Pulau Tioman pada suku kedua tahun ini.

Malah, *SKS Airways* menawarkan tambang tetap bermula dari RM160 sehalu, selain menggunakan sistem Tambang 3 Peringkat yang boleh dipilih oleh pengembara bergantung pada destinasi dan masa tempahan iaitu *SKS PROMO*, *SKS LITE* dan *SKS PLUS*.

Ia memulakan operasi dengan pesawat *Twin Otter*, yang terkenal di seluruh dunia kerana keteguhan dan kebolehpercayaan dengan keupayaan *Short Take Off and Landing* (STOL) yang sangat baik.

Turut hadir YB Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Zulazlan bin Abu Hassan; YB Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam, Mohd Zolkafly bin Haji Harun; YBhg. Pengarah *SKS Airways*, Dato' Fahrul Rohman bin Ahmad dan Pengerusi Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), YB Dato' Seri Diraja Dr Zambry bin Abd Kadir merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pangkor.

Dalam perkembangan sama, menurut YAB Menteri Besar Perak, beberapa acara tumpuan dijangka akan diadakan di Perak antaranya Pesta Songkran pada 11 April 2022 hingga 13 April 2022 dan Pesta Lumut Pangkor pada 19 Oktober 2022 hingga 23 Oktober 2022. Selain itu, Tarikh bagi acara *Ipoh International Run* dan *Geopark Fest 2022* juga akan diumumkan kelak.

# SKSAIRWAYS

## rancak pelancongan

PULAU PANGKOR



Dato' Saarani B  
nteri Perak  
震 臣

HAPPY  
*Chinese*  
NEW YEAR  
2022

## YAB MENTERI BESAR HADIR MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2022

IPOH, 3 FEBRUARI 2022- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad bersama isteri, YBhg. Datin Seri Aezer Zubin menghadiri Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina 2022 anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Perak (PCCCI) di Hotel Weil, di sini.

Ketibaan beliau pada jam 10.00 pagi disambut barisan kepimpinan PCCI yang diketuai oleh Presiden PCCCI, Dato' Liew Chee Ming.

Majlis yang disambut dengan penuh meriah itu diserikan lagi dengan tarian singa dan persembahan lain dengan kehadiran kira-kira 300 orang mengikut standard operasi prosedur (SOP) yang ditetapkan.

Dalam majlis itu, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad bersama tetamu lain turut melakukan upacara menggaul 'yee sang' sebagai simbolik untuk memperoleh nasib yang baik dan kesejahteraan.

Hadir sama, YB Timbalan Menteri Pendidikan I, Dato' Dr. Mah Hang Soon; YB Ahli Parlimen Ipoh Timur, Wong Kah Woh; YB ADUN Aulong, Nga Kor Ming dan YB ADUN Canning, Jenny Choi.





IPOH, 5 FEBRUARI 2022- Kerajaan Negeri Perak akan mempertimbangkan cadangan untuk menempatkan karya seni bertemakan *Perak Man Art Trail* dan Pameran Solo Salleh Ismail di sebuah galeri khas di sini.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani Mohamad berkata, karya yang mengetengahkan kawasan di Lembah Lenggong khususnya dan Perak amnya itu dapat dijadikan khazanah berharga untuk negeri ini.

"Kita mempunyai galeri di belakang Dewan Bandaraya Ipoh (DBI) dan saya akan melihat semula kerana sebelum ini kita ada satu kolaborasi dengan Pihak Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) di mana mereka telah membangunkan semula Ipoh Padang dan Perpustakaan Tun Razak iaitu kawasan berhampiran.

"Jadi, kalau NCIA boleh bersama-sama menjadikan galeri itu untuk tempatkan segala khazanah seni ini, itu bagus dan kita akan buat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media selepas merasmikan Pameran Seni Visual '*Perak Man Art Trail* dan Pameran Solo Salleh Ismail' di Hotel Casuarina@Meru di sini.

Hadir sama, Presiden Persatuan Pelukis Perak (PPPk), Datuk Dr Ahmad Lothfi Ibrahim, Encik Salleh Ismail dan para pelukis yang terbabit dalam *Perak Man Art Trail*.

Ujar YAB Dato' Seri Saarani Mohamad lagi, terjemahan lokasi bersejarah dalam bentuk karya seni itu mampu menarik lebih ramai pengunjung ke negeri Perak.

"Saya akan minta YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri, Dato' Nolee Ashilin Mohamed Radzi untuk melakukan perbincangan secara lanjut supaya hasil karya ini dapat kita simpan sebagai khazanah negeri untuk ditatap oleh generasi akan datang.

"Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada setiap agensi yang bekerjasama termasuklah Tourism Perak, Balai Seni Negara dan Lembaga Muzium Negeri Perak, ujarnya lagi.

Dalam perkembangan sama, Pameran *Perak Man Art Trail* mengumpulkan seramai 30 orang pelukis tempatan antaranya A Malik Zainal Abidin, Roslinda Wahab, Aris Aziz, Raduan Norudin, Oh Chow Moy dan Raja Shahrman.

Manakala, Pameran Solo Ismail Salleh menceritakan mengenai anak kelahiran Lenggong yang hampir setengah dekadnya dalam bidang seni, seterusnya dipersembahkan dalam 50 karya lukisan.



KERAJAAN NEGERI PERTIMBANG  
CADANGAN WUJUD

Galeri Khas  
khazanah seni negeri



## PERAK TUBUH JAWATANKUASA KHAS TANGANI MASALAH SAHABAT AIM



Amanah Ikhtiar  
Malaysia

IPOH, 5 FEBRUARI 2022 – Kerajaan Negeri Perak akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menangani masalah yang dihadapi usahawan atau Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang teruk terkesan ekoran pandemik COVID-19.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, jawatankuasa yang akan dianggotai pelbagai agensi seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Sekretariat Pembangunan Usahawan Perak (STeP), Bahagian Khidmat Pengurusan SUK Perak dan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu akan mengadakan mesyuarat pertama mereka pada 17 Februari depan.

"Hampir kesemua rungutan dan masalah yang diutarakan oleh usahawan AIM adalah sama dan perkara paling utama yang dibangkitkan ialah mereka ini memerlukan tempat bagi mengadakan mesyuarat mingguan.

"Terdapat juga rungutan diterima mengenai kesukaran mendapat lesen pihak berkuasa tempatan (PBT), kerumitan untuk mengisi borang tertentu untuk dapatkan pinjaman, kawalan kepada harga barang mentah kerana sebahagian besar usahawan terlibat dalam industri makanan," katanya

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media selepas Program Bersama Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia di Laman Seri Ridzuan, di sini.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Dato' Zainol Fadzi Paharuddin serta YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia, Encik Khairul Shahril Mohamed.

Dalam majlis itu, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad berkesempatan untuk menyampaikan Anugerah Sahabat AIM Perak kepada 10 penerima, menerima cek pinjaman AIM Perak berjumlah RM177 juta di samping merasmikan Sistem Maklumat Database Usahawan Negeri Perak (Perak SME-D Base).





## BANDARAYA IPOH BAKAL MENJADI BANDAR RENDAH CARBON, WALKABLE CITY MENJELANG 2030

IPOH, 9 FEBRUARI 2022- Bandaraya Ipoh bakal menjadi Bandar Rendah Karbon dan *Walkable City* menjelang tahun 2030.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) mempunyai kuasa dalam perancangan bandar perlu mempunyai pelan khusus dalam merangka pembangunan masa depan.

"Kerjasama dengan agensi kerajaan lain perlu disinergikan agar perancangan bandar mengambil kira konsep pembangunan lestari.

"Sehubungan itu, saya amat menghargai komitmen MBI yang kini dalam fasa untuk memulakan pelaksanaan Ipoh ke arah Bandaraya Rendah Karbon dan *Walkable City* 2030 yang mana kedua-dua dokumen ini adalah komponen di bawah Pelan Perancangan Strategik MBI.

"Matlamat utama inisiatif ini adalah untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon diseluruh negara selaras dengan komitmen kerajaan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 45% menjelang tahun 2030," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Majlis Pelancaran Pelan Perancangan Strategik Majlis Bandaraya Ipoh, Ipoh Bandaraya Rendah Karbon dan Ipoh *Walkable City*.

Hadir sama dalam majlis tersebut, YB Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam, Dato' Mohd Zolkafly Harun; YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan, Dato' Nolee Ashilin Dato' Mohammed Radzi; YBhg. Datuk Bandar Ipoh, Dato' Rumaizi Baharin; Pengurus Besar TNB Negeri, YM Raja Dato Abd. Jalil Raja Zaid dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maju Perak, Encik Nizran Noordin.

Ujar YAB Dato' Seri Saarani Mohamad lagi, mengenai *Walkable City* atau bandar pejalan kaki, ia akan disediakan di kawasan khas Pekan Ipoh, selaras dengan Bandar Pelancongan Warisan, dimana terdapat pelbagai rumah kedai lama, bangunan warisan dan beberapa lorong belakang seperti Lorong Panglima, Market Lane serta Lorong Hale yang telah dijadikan lorong pejalan kaki dan berbasikal serta pelbagai aktiviti menarik dalam usaha mencapai status karbon neutral suatu masa nanti.

"Objektif pelan tindakan ini adalah untuk menambah baik kawasan persekitaran dengan menyediakan kemudahan laluan pejalan kaki dan laluan basikal yang kondusif, mencukupi dan berkesinambungan bagi meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti alternatif kepada komuniti setempat.

"Ia juga mengekalkan nilai warisan bandar di samping menyokong pertumbuhan pembangunan yang mementingkan alam sekitar, teknologi hijau dan rendah karbon bagi meningkatkan nilai tambah dan daya tahan bandar.

"Selain itu, ia menghidupkan semula Bandaraya Ipoh dengan merencanakan aktiviti ekonomi dan meningkatkan interaksi masyarakat dengan persekitaran," ujarnya lagi.

Pada majlis itu, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad turut mengumumkan slogan "Ipoh Bestari Sejahtera" bagi menggantikan "Ipoh Bersih Hijau dan Maju" selaras dengan Pelan Pembangunan Perak Sejahtera 2030 iaitu 'Perak Makmur, Rakyat Sejahtera'.



# Program **SERONOK KE SEKOLAH**

## **BANTU KELUARGA KURANG BERKEMAMPUAN**

IPOH, 3 MAC 2022 - Kerajaan Negeri Perak telah memperuntukkan sebanyak RM465,000 untuk Program Seronok ke Sekolah 2022 bagi membantu keluarga pelajar sekolah rendah dan menengah yang kurang berkemampuan menyediakan keperluan persekolahan.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, tahun ini merupakan pengantunan kali kedua program tersebut.

"Kerajaan negeri meneruskan pelaksanaan ini kerana program ini benar-benar berkesan bagi membantu golongan yang memerlukan bagi menyediakan kelengkapan persekolahan.

"Kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengenal pasti penerima yang layak bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Seronok ke Sekolah Tahun 2022 Negeri Perak serta Majlis Perasmian Pejabat Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Wanita Perak) di Bandar Meru Raya, di sini.

Hadir sama, YABhg. Isteri kepada YAB Menteri Besar, Datin Seri Aezer Zubir; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan NGO Negeri, Datuk Dr. Wan Norashikin Wan Noordin serta YBhg. Pengerusi Puspanita Negeri Perak, Datin Che Fauziah Ahmad.

Ujar YAB Dato' Seri Saarani Mohamad lagi, program itu telah dilaksanakan di seluruh negeri Perak bermula 19 Februari 2022 dan dijangka selesai sebelum sesi persekolahan bermula iaitu pada 20 Mac 2022.



"Bantuan tersebut akan memberi manfaat kepada 3,100 orang di mana ia terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar lelaki dan perempuan.

"Bagi pelajar lelaki, mereka akan menerima sehelai baju kemeja, seluar, kasut, stokin dan bag galas, manakala bagi pelajar perempuan, mereka akan menerima kelengkapan persekolahan yang terdiri daripada sehelai baju, tudung (muslim), kasut, stokin dan juga bag galas," ujarinya lagi.

Dalam perkembangan sama, Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak atau dikenali sebagai Wanita Perak adalah sebuah institusi khusus bagi menangani isu berkaitan pembangunan wanita, kebajikan masyarakat dan kesejahteraan sosial secara keseluruhan di negeri Perak.

Oleh yang demikian, orang awam atau NGO yang memerlukan nasihat, maklumat dan penerangan mengenai pembangunan wanita boleh menghubungi Pejabat Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak atau hadir sendiri ke pejabatnya yang beralamat di No 5, Jalan Meru Bestari A14, Medan Meru Bestari, 30020 Ipoh mulai Mac ini.





## Sifat Saling Memahami Antara **PDRM** dan **MASYARAKAT** Penentu Kesejahteraan

IPOH, 25 MAC 2022- Persefahaman yang utuh antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan masyarakat dalam menjalankan tugas mampu menjadi penentu kepada kesejahteraan hidup.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, pihak kerajaan negeri amat menghargai tanggungjawab dan jasa bakti yang telah disumbangkan oleh seluruh anggota polis yang bertugas di negara ini khususnya negeri Perak.

"Bersesuaian dengan tema sambutan Peringatan Hari Polis Ke-215 tahun ini iaitu 'Polis dan masyarakat berpisah tiada', ia menggambarkan bagaimana polis dan masyarakat perlu saling memahami antara satu sama lain dalam menjalankan tugas masing-masing.

"Masyarakat perlu memahami tugas berat yang dipikul oleh pihak polis kerana mereka telah diamanahkan untuk menjaga keamanan bagi menentukan kesejahteraan hidup mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Sambutan Hari Peringatan Hari Polis Ke-215 Tahun 2022 Peringkat Negeri Perak di perkarangan Briged Utara, Pasukan Gerakan Am di Ulu Kinta, di sini.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; YDH Ketua Polis Perak, Dato' Pahlawan Mior Faridalatrash Wahid serta pegawai-pegawai kanan polis negeri Perak.

Ujar YAB Dato' Seri Saarani Mohamad lagi, masyarakat perlu memberikan kerjasama yang baik kepada pihak polis sebagai contoh mereka hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

"Undang-undang dan peraturan yang telah dibuat bertujuan untuk mendisiplinkan kehidupan kita, jadi jika setiap masyarakat mematuhi, ia dapat memudahkan tugas-tugas yang dilaksanakan oleh pihak polis.

"Saya amat berterima kasih kepada seluruh anggota polis negeri Perak kerana mereka telah berada di semua peringkat lapisan masyarakat, seperti contoh mereka berada di masjid, sekolah dan berada di perhimpunan besar mahupun kecil bagi menjaga keamanan," katanya.

Dalam perkembangan sama, sambutan Hari Peringatan Hari Polis Ke-215 Tahun 2022 Peringkat Negeri Perak disambut dengan sederhana dalam suasana mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Namun kemeriahan sambutan masih tetap dapat dirasai apabila disambut dengan penuh istiadat dengan dimulakan oleh pasukan kawalan kehormat masuk ke dalam medan perbarisan.

YAB Dato' Seri Saarani Mohamad kemudian memeriksa perbarisan dengan menaiki kenderaan istiadat, sebelum acara diteruskan dengan persembahan tarian perang dari Batalion 3 Pasukan Gerak AM Bidor, pertunjukan payung terjun dari Komando 69, persembahan T-Baton dari IPD Ipoh dan lintas hormat aset polis.





# PROGRAM FUN RIDE

**BERSAMA KPPA  
SEMPENA KARNIVAL  
BELIA DAN SUKAN 2022**

IPOH, 20 MAC 2022- YBhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dato' Sri Muhd Shafiq Abdullah telah hadir bagi memeriahkan acara Fun Ride bersempena Karnival Belia dan Sukan Tahun 2022 di Padang Awam, Medan Klebang Restu di sini.

Program kayuhan sejauh 12 kilometer itu didahului oleh YB Menteri Belia dan Sukan, Dato' Seri Ahmad Faizal Azumu dan disertai hampir 100 orang peserta terdiri daripada penjawat awam dan penduduk setempat.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan serta Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Jana Santhiran Muniayan.

Dalam perkembangan sama, Karnival Belia dan Sukan Tahun 2022 itu telah berlangsung selama dua hari bermula 19 Mac hingga 20 Mac 2022 dan diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya pemeriksaan kesihatan percuma, pemberian vaksin penggalak secara walk-in, senam aerobik, cabutan bertuah buat para pengunjung, Gema Selawat & Ceramah Perdana yang disampaikan oleh Ustaz Don Daniyal dan bermacam-macam lagi.



SUNGAI SIPUT, 16 JANUARI 2022 – Kerajaan Negeri Perak telah memperuntukan RM2.1 juta bagi menjalankan Program Bas Perak Sejahtera di 4 daerah seluruh negeri ini.

Lokasi pertama yang menjadi pilihan adalah Sungai Siput manakala Taiping, Manjung dan Tapah akan dilaksanakan secara berperingkat.

"Pemilihan Sungai Siput bagi inisiatif ini amat dihargai oleh seluruh warganya dan ia akan memudahkan urusan seharian lebih dari 15 ribu penduduk dari Bawong hingga ke Karai," ujar YB Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam, Dato' Mohd Zolkafly bin Harun.

Beliau yang juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lintang berkata demikian semasa merasmikan Program Bas Perak Sejahtera Sungai Siput Tahun 2022 di Orang Asli *One Stop Centre* (OAOSC), Bawong, di sini.

Tambahnya, perkhidmatan tersebut turut melibatkan dua laluan masing-masing sejauh 20 kilometer, iaitu Sungai Siput-Karai dan Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Siput-Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bawong.

"Terdapat 20 hentian meliputi institusi pendidikan, pusat komuniti, fasiliti kesihatan, pekan serta kampung dan penempatan Orang Asli.

"Perkhidmatan yang hanya mengenakan bayaran serendah RM1 bagi perjalanan sehalu ini akan bermula pada jam 6.30 pagi sehingga 7.30 malam bermula esok," jelas beliau.

## Sungai Siput LOKASI PERTAMA

## PELANCARAN PROGRAM BAS PERAK SEJAHTERA

Menurutnya, kerajaan negeri juga akan memperluaskan perkhidmatan Bas Perak Sejahtera ke beberapa kawasan lain seperti Kamunting dan Chenderiang.

Jelasnya, kawasan-kawasan yang dipilih bagi perkhidmatan bas tersebut berdasarkan permintaan komuniti dan kajian yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum diluluskan.

Pada masa yang sama, YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun turut berkesempatan melancarkan Pasar Tani Orang Asli yang hanya berhadapan dengan OAOSC, Bawong, Sungai Siput ini.

Buat masa ini, sebanyak 18 buah gerai telah beroperasi di mana para peniagaanya adalah penduduk Orang Asli di sekitar sini.

Turut hadir, YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA), Tuan Zambri bin Mustajap; Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Encik Zulqarnain bin Mohamad; Timbalan Pengarah Sektor, UPEN, Encik Kumaresan A/L Lingam dan Ketua Penolong Pegawai Daerah Sungai Siput, Encik Mohd Azhar bin Alias.





## YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK BERSAMA PEGAWAI DAERAH DAN YANG DIPERTUA MAJLIS

Lapang Sasar, Pasukan Gerakan Khas, Ulu Kinta  
13 Mac 2022  
8:00

Anjuran

SS

PERBADANAN

KERAJAAN NEGERI

Tempat kedua pula berjaya diraih oleh Kumpulan E yang disertai oleh Puan Halizah Sipun; Encik Shahrul Affendi Baharudin; Encik Khairul Anwar Ramli; Encik Shahfiq Sautarwin; Encik Azlan Aminuddin.

Sementara itu, bagi tempat ketiga, gelaran berjaya dimenangi oleh Kumpulan C yang dibarisi oleh Encik Mohd Zairasyahli Shah Zakaria; Encik Mohd Razif Ramli; Encik Helmi Yusof@Jusoh; Encik Shamsul Ridzuan Idris dan Puan Zatusy Syamami Ibrahim.

ULU KINTA, 13 MAC 2022- YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim hadir bagi menyempurnakan Program Menembak Bersama Pegawai Daerah dan Yang Dipertua Majlis di Lapang Sasar, Pasukan Gerakan Khas, di sini.

Program anjuran Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) dengan kerjasama Komando 69 itu turut disertai beberapa jemputan khas yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kerajaan.

Hadir sama, YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin serta YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Puan Halizah Sipun.

Program tersebut terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori individu (centre fire) dan kategori berkumpulan (falling plates).

Johan bagi kategori individu telah berjaya diraih oleh Encik Zulhisham Ahmad Shukori dengan 92 mata dan diekori rapat oleh Encik Abdul Halim Saad serta Puan Zatusy Syamami Ibrahim dengan 91 mata.

Bagi kategori berkumpulan, gelaran johan berjaya dirangkul oleh Kumpulan A yang diketuai oleh YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; Encik Abdul Halim Saad; Encik Meor Hezbullah Abdul Malik; Puan Rozalinawati Che Roslee dan Encik Zulkefli Abdullah.



YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, PEGAWAI  
DAERAH DAN YANG DIPERTUA MAJLIS SERTA

# PROGRAM MENEMBAK



IPOH, 20 JANUARI 2022- YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pengurusan), Dato' Nor Sham binti Rahman telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang bagi Pertandingan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Perak Tahun 2022.

Dalam pertandingan berkenaan, 7 kategori telah dipertandingkan yang membawa wang tunai RM300 dan sijil penghargaan bagi setiap kategori. Penyampaian hadiah telah disampaikan kepada Ketua Zon bahagian masing-masing.

Bagi kategori Zon Terbaik dan Sudut EKSA terbaik, telah dimenangi oleh Zon Fedora dari Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), ia diwakili oleh, Puan Nurhayati binti Ahdan untuk menerima hadiah.

Manakala, *Workstation* Terbaik dimenangi oleh Zon BKT dari Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Encik Mohd Salji bin Omar mewakili bahagian tersebut untuk menerima hadiah dan kategori Bilik Mesyuarat Terbaik telah dimenangi oleh Zon *Twilight* dari Bahagian Korporat, Puan Zuriati binti Zainal mewakili bahagian untuk menerima hadiah.

Kategori seterusnya ialah Kaunter Terbaik yang dimenangi oleh Zon Cokmar dari Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan, Puan 'Ainul Mardhiah binti Abdul Halilah hadir bagi menerima hadiah.

Kategori Pantri Terbaik telah dimenangi oleh Zon Floraria dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang diwakili oleh Puan Hasnida binti Masron untuk menerima hadiah.



Kategori terakhir ialah Sudut *Go Green* dan Kreativiti Terbaik dimenangi oleh Zon Ibnu Khaldun dari Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Puan Rahida binti Rosli yang mewakili bahagian untuk menerima hadiah.

Pertandingan ini bertujuan bagi menyemarakkan semangat bekerjasama serta dapat menonjolkan kreativiti setiap bahagian.

Terdahulu, pada 29 Oktober 2021, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim telah menyempurnakan Pelancaran Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Pejabat SUK Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

## PERTANDINGAN EKSA SEMARAK SEMANGAT WARGA SUK PERAK





# Kursus Corporate Directors Leadership and Integrity (CDLI) Siri 1/2022

KUALA LUMPUR, 12 FEBRUARI 2022- Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di bawah Kluster Pengajian Ekonomi dan Kewangan telah mengadakan kursus *Corporate Directors Leadership and Integrity (CDLI) Siri 1 Tahun 2022* bertempat di DoubleTree by Hilton di sini.

Kursus tersebut bertujuan untuk memperkasakan penjawat awam termasuk Ketua Pegawai Eksekutif, Ahli Lembaga Pengarah, Pegawai Badan Berkanun Negeri serta syarikat berkaitan kerajaan negeri dalam meningkat pemahaman lebih mendalam para pegawai mengenai peranan serta memastikan kepentingan kerajaan terhadap badan berkanun negeri dan syarikat berkaitan negeri agar dilindungi.

Selain itu, ia juga meningkatkan kesedaran para pegawai berkenaan tadbir urus yang baik dan perkembangan korporat semasa.

Melalui kursus itu juga, para pegawai dapat menambah pengetahuan berkaitan dasar dan peraturan kerajaan semasa serta peranan syarikat berkaitan kerajaan negeri.

Kursus CDLI Siri 1 2022 yang bermula pada 9 Februari hingga 12 Februari itu telah dihadiri oleh 39 pegawai daripada pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), jabatan negeri, pegawai daerah, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan badan berkanun negeri serta GLC di negeri Perak.

Antara yang hadir, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Dato' Nor Sham Rahman; YBhg. Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Dato' Mohamad Fariz Mohamad Hanip serta YBhg. Naib Canselor Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Tan Sri Prof. Dato' Dr. Nordin Kardi.





# Bulatan Sultan Azlan Shah

## Lokasi Rekreasi Keluarga

Tahukah anda? Bulatan Sultan Azlan Shah merupakan bulatan terbesar di negeri Perak dengan keluasan seluas 7.3 hektar.

Kawasan yang telah dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) pada November 2016 itu sudah pastinya tidak asing bagi warga Ipoh kerana ia sering menjadi pilihan sebagai kawasan rekreasi keluarga dan masyarakat setempat terutamanya pada hujung minggu.

Ia juga berdekatan dengan kemudahan tandas awam yang selesa dan kondusif dan sesuai untuk warga setempat beriadah bagi melakukan aktiviti sihat.

Kebiasaanya bagi warga setempat, Bulatan Sultan Azlan Shah merupakan lokasi yang baik untuk melakukan aktiviti jogging kerana laluan pejalan kaki yang disediakan amat bersesuaian bagi menjalani aktiviti itu.

Bagi penggemar sukan lasak seperti papan selaju 'skateboard', Bulatan Sultan Azlan Shah ada menyediakan kawasan khas khususnya bagi golongan muda.

Tidak ketinggalan juga, di Bulatan Sultan Azlan Shah ini juga terdapat peniaga-peniaga yang menyediakan perkhidmatan menyewa basikal, basikal elektrik, kereta elektrik, skuter elektrik, dan juga kasut roda.

Jadi tunggu apa lagi, ambil peluang dan luangkan masa anda bersama keluarga bagi mengeratkan lagi hubungan kerana di Bulatan Sultan Azlan Shah, pelbagai aktiviti menarik dapat anda lakukan bersama.

